



## SIARAN MEDIA

### **KAJI SELIDIK PERKHIDMATAN, KEMUDAHAN DAN PERSEKITARAN PERBANDARAN SELAYANG BAGI PERANCANGAN PEMBANGUNAN TAHUN 2023**

Majlis Perbandaran Selayang (MPS) kini sedang menjalankan kaji selidik untuk mendapatkan pandangan dan cadangan penduduk terhadap perkhidmatan, kemudahan dan persekitaran kawasan kediaman anda di Perbandaran Selayang. Dapatan yang diperoleh kemudiannya akan digunakan bagi peningkatan dan penambahbaikan penyampaian perkhidmatan di kawasan MPS.

Orang ramai boleh menjawab kaji selidik ini melalui pautan <https://forms.gle/Czp7xdXc3yaRLwpm9>, laman web MPS atau platform media sosial MPS bermula 15 November hingga 31 Disember 2022 bagi melayakkan mereka untuk menyertai cabutan bertuah. Wang tunai RM100.00 bakal dimenangi oleh 20 responden yang mengisi maklumat dan menjawab kaji selidik ini dengan lengkap.

Cabutan akan dibuat secara rawak dan senarai pemenang akan diumumkan di laman web rasmi dan platform media sosial MPS pada 16 Januari 2023. Diharapkan melalui maklum balas yang diterima ini akan dapat membantu MPS dalam memberikan perkhidmatan dan membentuk persekitaran yang terbaik demi kesejahteraan bersama.

Untuk maklumat lanjut atau sebarang pertanyaan, hubungi Jabatan Korporat MPS di talian 03-6126 5800 atau emel di [aduanmps@mps.gov.my](mailto:aduanmps@mps.gov.my).

**#TAMAT#**

#### **Dikeluarkan Oleh:**

Unit Perhubungan Awam  
Jabatan Korporat

**b.p. Yang Dipertua**  
Majlis Perbandaran Selayang  
**22 November 2022**